



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



**KEPERLUAN KEPADA MODEL PERSEKITARAN BERTUTUR
BAHASA ARAB DI PERINGKAT RENDAH, MENENGAH DAN
IPT**

*THE NEED FOR AN ARAB-LEARNING ENVIRONMENT MODEL AT THE
PRIMARY, SECONDARY AND HIGHER EDUCATION LEVELS*

Mohammad Syukri Abdul Rahman^{1*}, Saupi Man², Muhammad Daoh³, Md Noor Hussin⁴,
Azammuddin Zainuddin⁵, Yaakob Hasan⁶, Khairatul Akmar Ab. Latif⁷, Zarith Sofea Zulkefli⁸

¹ Faculty of Islamic Studies and Civilization, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia

Email: msyukri@uis.edu.my

² AbdulHamid AbuSulayman Faculty of Revealed Knowledge and Human Sciences, Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Malaysia

Email: saupi@iium.edu.my

³ Faculty of Education and Social Sciences, Universiti Selangor (UNISEL), Malaysia

Email: muhammad66@unisel.edu.my

⁴ Faculty of Islamic Studies and Civilization, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia

Email: mdnoor@uis.edu.my

⁵ Education Management Sector, Islamic Education Division, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Malaysia

Email: azammuddin@jais.gov.my

⁶ Kuliyyah of Education, Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Malaysia

Email: yaakob@iium.edu.my

⁷ Faculty of Islamic Studies and Civilization, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia

Email: khairatulakmar@uis.edu.my

⁸ Faculty of Education, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia

Email: zarithsofea26@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 16.07.2025

Revised date: 10.08.2025

Accepted date: 03.09.2025

Published date: 23.09.2025

Abstrak:

Bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran memiliki kedudukan istimewa dalam sistem pendidikan Islam di Malaysia. Kepentingan penguasaannya bukan sahaja terletak pada aspek ibadah dan penghayatan agama, malah menjangkau keperluan akademik, komunikasi serta pembinaan identiti Muslim yang unggul. Walau bagaimanapun, tahap penguasaan pertuturan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar di peringkat rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi (IPT) masih berada pada tahap yang membimbangkan. Kelemahan ini berpunca daripada pelbagai faktor, antaranya pendekatan pengajaran yang

To cite this document:

Abdul Rahman, M. S., Man, S., Daoh, M., Hussin, M. N., Zainuddin, A., Hasan, Y., Ab. Latif, K. A., & Zulkefli, Z. S. (2025). Keperluan Kepada Model Persekitaran Bertutur Bahasa Arab Di Peringkat Rendah, Menengah Dan IPT. *International Journal of Modern Education*, 7 (26), 1195-1209.

DOI: 10.35631/IJMOE.726078

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



berfokus kepada aspek hafalan dan tata bahasa semata-mata, kurangnya pendedahan kepada persekitaran yang menyokong penggunaan bahasa secara langsung, serta ketiadaan model persekitaran yang komprehensif dan sistematik yang mampu memupuk kemahiran bertutur dalam konteks sebenar. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan kepada satu model persekitaran bertutur Bahasa Arab yang sesuai dan berkesan diaplikasikan di peringkat rendah, menengah dan IPT. Kajian ini dijalankan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif melalui pendekatan analisis kajian-kajian lepas berkaitan tajuk kajian. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat jurang besar antara objektif pengajaran Bahasa Arab dengan pelaksanaannya dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah. Di peringkat sekolah rendah, kekangan masa, kekurangan guru terlatih, dan tiadanya aktiviti sokongan seperti kelab bahasa atau permainan bahasa menyukarkan perkembangan komunikasi lisan dalam kalangan murid. Di peringkat menengah pula, pelajar lebih terdedah kepada peperiksaan berorientasikan penulisan dan hafalan, menyebabkan kemahiran bertutur diabaikan. Sementara itu, di peringkat IPT, meskipun terdapat program pengukuhan bahasa seperti minggu bahasa, usrah berbahasa Arab, dan kelas komunikasi, penggunaannya masih bersifat terhad dan kurang konsisten. Oleh itu, satu model persekitaran yang holistik perlu dibangunkan, merangkumi tiga elemen utama: (i) sokongan dasar dan pentadbiran, (ii) pendekatan pengajaran dan aktiviti kokurikulum yang berpusatkan pelajar, dan (iii) pembinaan komuniti bahasa yang menyeluruh di sekolah dan kampus. Kajian ini memberi implikasi besar kepada pembuat dasar, pentadbir sekolah dan universiti, guru serta pelajar dalam usaha memperkasa penguasaan Bahasa Arab secara menyeluruh melalui pembangunan persekitaran yang merangsang pembelajaran secara autentik.

Kata Kunci:

Keperluan, Model Persekitaran, Bertutur Bahasa Arab, Di Peringkat Rendah, Menengah dan IPT

Abstract:

Arabic, as the language of the Qur'an, holds a special status in the Islamic education system in Malaysia. Its mastery is not only essential for worship and religious appreciation, but also extends to academic needs, communication, and the development of a strong Muslim identity. However, the level of proficiency in spoken Arabic among students at the primary, secondary, and tertiary levels remains alarming. This weakness stems from various factors, including teaching approaches that focus primarily on memorization and grammar, limited exposure to environments that encourage direct language use, and the absence of a comprehensive and systematic environmental model that can foster speaking skills in authentic contexts. This study aims to identify the need for a suitable and effective model of an Arabic-speaking environment that can be applied across primary, secondary, and tertiary levels. The research employs a qualitative design through an analytical review of previous studies related to the topic. Findings indicate a significant gap between the objectives of Arabic language teaching and its actual implementation both inside and outside the classroom. At the primary level, limited time allocation, lack of trained teachers, and the absence of supporting activities such as language clubs or language games hinder the development of oral communication skills among pupils. At the secondary level, students are more exposed to examination-oriented practices focusing on writing and memorization, which often neglects speaking proficiency. At the tertiary level, although reinforcement programs such as language weeks, Arabic-speaking study circles, and communication classes are offered, their application remains limited and inconsistent. Therefore, a holistic environmental model is needed,

encompassing three key elements: (i) policy and administrative support, (ii) student-centered teaching approaches and co-curricular activities, and (iii) the development of a comprehensive language community within schools and campuses. This study carries significant implications for policymakers, school and university administrators, teachers, and students in strengthening Arabic language mastery through the creation of environments that stimulate authentic learning.

Keywords:

Needs, Environmental Model, Arabic Speaking, Primary, Secondary, Tertiary Levels

Pendahuluan

Masalah daripada ketidaksempurnaan sokongan persekitaran bahasa menjadikan pelajar kurang berbahasa Arab sehingga menyebabkan penguasaan bahasa mereka tidak memuaskan (Muhd Zulkifli et al., 2019). Kajian Ahmid et al. (2018) menjelaskan terdapat beberapa faktor yang berpotensi memberikan pengaruh terhadap pembelajaran pelajar seperti faktor persekitaran, matlamat belajar serta kemampuan kognitif. Pernyataan ini selari dengan teori sistem ekologi yang asasnyanya terletak kepada pertalian hubungan antara individu dan persekitarannya (Bronfenbrenner, 1992). Faktor persekitaran berupaya menatijahkan peningkatan pencapaian pelajar dalam memahami isi pembelajaran serta dapat meningkatkan tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Kenyataan daripada pihak guru bahasa Arab di Pondok Moden Darussalam Gontor yang mana keseluruhan murid-murid di sana telah mencapai tahap kemahiran bertutur bahasa Arab yang tinggi hasil daripada dorongan dan sokongan padu yang diberikan oleh pihak guru serta murid-murid yang tekun dalam usaha untuk memahami dan menguasai kemahiran bertutur bahasa Arab dengan baik (Temu bual guru-guru; Gontor 14 Mei 2024). Dalam hal ini Zaki et al. (2024) menjelaskan pengalaman Pondok Moden Darussalam Gontor (PMDG) dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum berasaskan bahasa Arab seperti perbincangan, pidato dan lakonan dapat membina keyakinan diri pelajar untuk bertutur dan berinteraksi dalam bahasa Arab secara lebih efektif.

Jika dikemukakan soalan kepada kebanyakan pengajar bahasa Arab di Malaysia tentang punca yang menyebabkan kebanyakan pelajar lemah dalam bahasa Arab, maka jawapan mereka ialah ketiadaan persekitaran bahasa Arab yang boleh membantu pelajar mempraktikkan penggunaan bahasa tersebut. Perkara ini memang benar dan telah diterangkan sebelum ini oleh pekaji yang lepas bahawa pelajar Malaysia mempelajari bahasa Arab dalam satu komuniti masyarakat yang tidak menggunakan bahasa Arab sebagai medium utama untuk berkomunikasi. Tetapi adakah kita boleh berterusan meletakkan segala kesalahan kepada ketiadaan persekitaran bahasa Arab? Dan apakah pelajar kita mesti berterusan berada dalam tahap yang lemah serta tidak mampu menggunakan bahasa Arab di Malaysia? Dan apakah bahasa Arab mampu untuk menyaingi bahasa Inggeris di Malaysia sebagai bahasa kedua? (Khaled Ahmad Bani Omar, 2003).

Jawapannya boleh, sekiranya terdapat kemahuan yang kuat dan jitu untuk mempelajari bahasa Arab, selain sokongan padu pihak kerajaan dan pertambahan sekolah atau institusi yang mengambil peranan dalam hal ini. Selain itu, titik permulaannya mesti bermula dari dalam kelas. Seterusnya membawa pula kepada peringkat sekolah dengan segala infrastrukturnya dan kemudian ke peringkat masyarakat. Sebenarnya ia bukan sesuatu yang mustahil kerana banyak

perkataan yang digunakan berasal dari bahasa Arab (Khaled Ahmad Bani Omar, 2003). Justeru itu, model persekitaran bertutur bahasa Arab di peringkat rendah, menengah, dan IPT adalah merupakan suatu elemen yang berpotensi untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dan ianya perlu memenuhi beberapa keperluan asas supaya mendatangkan hasil pembelajaran yang lebih berkesan dan efisien.

Keperluan Asas Penghasilan Model Persekitaran

Tahap Kesukaran Bahasa Arab

Keperluan asas dalam penghasilan model persekitaran yang berkesan adalah pada peringkat kemahiran bahasa Arab. Model yang dibangunkan perlu disesuaikan mengikut tahap kesukaran bahasa Arab di peringkat yang menjadi sasaran. Pada peringkat rendah, model perlu kepada yang mampu memberikan sokongan untuk pembelajaran asas seperti ejaan, tatabahasa, dan kosa kata. Jika ditelusuri kajian-kajian lepas, cara yang paling berkesan untuk pembelajaran kosa kata berkait rapat dengan strategi permainan yang dapat merangsang imaginasi dan penerokaan minda murid tersebut. Kajian ini turut disokong oleh kajian Muhammad Fauziddin et al (2020), murid yang mempunyai kecenderungan bahasa yang tinggi dipegaruhi oleh kepelbagaian strategi yang digunakan untuk menguasai kosa kata baru dengan lebih mudah. Strategi pembelajaran penguasaan kosa kata oleh murid yang mempelajari bahasa asing tidak samaseperti murid penutur jati. Oleh yang demikian, untuk memperolehi kemahiran kosa kata yang baik, murid perlulah menguasai kosa kata yang pelbagai. Guru yang kreatif dan kritis akan melahirkan murid-murid yang boleh mencapai hasil pembelajaran kosa kata yang optimum dan mampu menguasainya dengan baik.

Pada peringkat menengah pula, model yang dibangunkan adalah yang dapat membantu dalam perbualan harian, membaca teks yang lebih rumit, dan menulis ayat-ayat yang lebih panjang. Tinjauan yang dibuat dalam pencapaian pelajar dalam kemahiran bahasa Arab, Ishak (1992) telah menyatakan bahawa pelajar yang telah menamatkan pelajarannya di sekolah menengah mempunyai pencapaian yang rendah dalam kemahiran-kemahiran bahasa. Nik Mohd Rahimi (1999) mendapati tahap kemahiran bertutur yang dicapai oleh responden kajiannya berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan penguasaan kemahiran bertutur ini tidak pada tahap yang dinyatakan di dalam objektif KBA yang ingin menghasilkan pelajar yang dapat bertutur dengan fasih dan lancar serta berkemampuan mengeluarkan pendapat dan hujah-hujah dalam situasi tertentu (JAPIM, 2003). Justeru itu, pembangunan model persekitaran bertutur adalah amat penting terutamanya pada tahap menengah ini dalam memastikan para pelajar dapat menutur bahasa Arab dengan lebih baik.

Di peringkat IPT, model perlu kepada yang dapat membantu dalam menyediakan sokongan untuk tugas akademik seperti menulis esei, berbincang tentang topik ilmiah, dan membaca teks akademik. Sebahagian besar pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) khususnya dalam aliran pendidikan Islam masih belum mampu menguasai kemahiran bertutur walaupun telah dapat pendedahan yang luas dalam bahasa Arab sejak berada di sekolah menengah (Mastura & Kaseh, 2012). Kajian Abd. Halim (2009) juga mendapati faktor-faktor yang menghalang pelajar-pelajar bertutur di dalam bahasa Arab ialah malu bertutur dalam bahasa Arab, merasa rendah diri, tidak yakin pada diri sendiri, takut ditertawakan rakan, takut disindir rakan, tidak bersemangat berkomunikasi dalam bahasa Arab dan takut melakukan kesilapan ketika menggunakan bahasa Arab.

Kemahiran Bertutur Dan Mendengar

Di samping itu, kemahiran bertutur dan mendengar adalah merupakan antara salah satu asas yang penting yang perlu diberikan penekanan dalam menghasilkan model persekitaran bertutur bahasa Arab dengan lebih baik. Dalam pengajaran bahasa Arab, kemahiran mendengar ini amat penting. Dengan kemahiran mendengar, pelajar dapat memahami sesuatu yang didengar dengan betul dan jelas. Kemampuan mendengar yang baik akan membantu mereka menghasilkan pertuturan yang baik. Proses pengajaran untuk mendapatkan kemahiran mendengar ini lazimnya melalui suara guru di dalam kelas. Justeru, kemahiran mendengar merupakan kemahiran asas dalam proses mempelajari bahasa yang diwajibkan ke atas para pelajar (Ibtisam & Zamri, 2012). Model yang dibangunkan perlulah memberikan tumpuan yang mencukupi kepada kemahiran bertutur dan mendengar di semua peringkat institusi pendidikan. Hal ini ni penting kerana, kebanyakan pelajar mungkin memerlukan bantuan dalam berkomunikasi secara lisan dalam bahasa Arab, terutamanya dalam situasi sebenar dalam kehidupan seharian ataupun dalam akademik.

Sokongan Pemulihan

Sokongan pemulihan juga adalah antara elemen keperluan asas yang penting kepada pembentukan model persekitaran bahasa Arab. Model perlu menyediakan sokongan untuk pelajar yang menghadapi kesukaran dalam pembelajaran bahasa Arab. Ini termasuk memberikan maklum balas yang membina, latihan-latihan pemulihan yang disesuaikan dengan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar, serta memberikan bimbingan kepada pelajar dalam mengatasi kesulitan mereka. Perkara ini berkait dengan kesungguhan, pencapaian dan dorongan. Faktor motivasi yang berkait rapat dengan minat ditakrifkan sebagai keinginan murid untuk mengetahui sesuatu bahasa (Azhar, 2004). Berdasarkan kajian lepas, minat untuk mempelajari dan mengkaji bahasa Arab adalah disebabkan oleh faktor agama seperti untuk memahami al-Quran (Kamarul Shukri, 2002), bahasa peradaban Islam (Jasmi, 2002) dan bahasa untuk memahami sumber agama Islam (Sohair, 1990). Bahkan kajian yang dilakukan oleh Kaseh, Nil dan Zeti (2010) menegaskan bahawa apabila mengkaji motivasi mempelajari bahasa Arab atau mana-mana bahasa yang berkaitan dengan agama, maka faktor agama mesti diberi pertimbangan yang sewajarnya. Justeru itu, amat penting untuk menekankan aspek pemulihan kepada mana-mana pelajar yang menghadapi kesulitan untuk menguasai pembelajaran bahasa Arab iaitu dengan memberikan sepenuh sokongan bimbingan dan dorongan agar pembelajaran berterusan dapat dihasilkan dengan baik.

Penting untuk diingat bahawa model persekitaran bertutur bahasa Arab di semua peringkat harus bersifat inklusif dan mempertimbangkan kepelbagaian pelajar yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pertama atau bahasa kedua. Dengan memenuhi keperluan ini, model ini dapat menjadi alat yang berguna untuk pembelajaran bahasa Arab di setiap peringkat pembelajaran. Model persekitaran bertutur bahasa Arab di peringkat rendah, menengah, dan IPT harus dirancang dengan cermat untuk memenuhi keperluan pelajar dalam pelbagai tahap pembelajaran. Dengan mengambil kira aspek-aspek di atas, model-model ini boleh menjadi alat yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Sorotan Kajian

Terdapat beberapa kajian yang mengemukakan berkaitan model persekitaran bertutur bahasa Arab. Kajian mengenai model persekitaran bertutur Bahasa Arab di Peringkat Sekolah Rendah telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu antaranya berkaitan dengan tahap penguasaan kemahiran bertutur Bahasa Arab dengan baik. Bahkan kajian-kajian tersebut

dijalankan dalam pelbagai jenis populasi misalnya dalam kalangan sekolah rendah, sekolah menengah, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Oleh demikian, kajian mengenai model persekitaran bertutur bahasa Arab di peringkat sekolah rendah terutamanya bagi Sekolah Rendah Agama Integrasi di negeri Selangor perlu diterokai.

Kajian umum berkaitan dengan model persekitaran dan kemahiran bertutur sangat berkait rapat dengan kajian ini. Kajian lepas ini dibahagikan kepada beberapa peringkat iaitu di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Bagi peringkat sekolah rendah pengkaji-pengkaji yang dapat dijelajahi kajian mereka terdiri daripada: (Wan Sakiah Wan Ngah, Kamarulzaman Abdul Ghani & Maimun Aqsha Lubis, 2014); (Adnan Mat Ali, Mohamad Syukri Abd Rahman, Mohd Izzuddin Mohd Pisol & Ahmad Ismail, 2017); (Kamarulzaman Abdul Ghani & Saiful Nizam Sulaiman, 2019); (Mohd Kamarul Azhar Kamaruddin, Siti Zakiah Barden, Nurul Fazatul Ain Baharuddin, Nor Hasniza Ibrahim & Nur Husna Abd Wahid, 2019); (Hazrati Yahaya, Hanis Najwa Shahrudin, Fudzla Suraiyya Abdul Raup, Nor Zahidah Ahmad, Muhammad Hatta Shafri, Muhammad Zahfri Mohammad Nazmi & Ibrahim Youssef Abdelhamid, 2021); (Nurul Afiqah Mohd Rizan & Harun Baharudin, 2021) dan (Nurul Ain Hasan, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Fariza Khalid, 2022). Di peringkat sekolah menengah pula terdiri daripada: (Kamarulzaman Abdul Ghani, Ahmed Thalal Hj Hassan, Ahmad Abdul Rahman, Mohd Aderi Che Noh, Muhd Zahiri Awang Mat, Zawawi Ismail, Azmil Hashim, Saifuddin Hussin, Rohaidi Habil & Siti Apipah Munirah Salleh, 2018); (Fatin Hamimah Rosli, Harun Baharudin & Noorazi Rani, 2022); (Mohd Saiful Fahmi Mohd Nasir, Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad, Mohd Islah Mohd Yusof & Mohd Sollah Mohamed, 2017). Di peringkat Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) pula terdiri daripada: (Asma Abdul Rahman & Nursilah Ahmad, 2020); (Azman Che Mat, Ahmad Zulfadhli Nokman, Nor Shaifura Musilehat, Ahmad Fakhrulazizi Abu Bakar & Zalinawati Abdullah, 2022).

Bagi peringkat sekolah rendah, Wan Sakiah Wan Ngah, Kamarulzaman Abdul Ghani dan Maimun Aqsha Lubis (2014) telah melaksanakan kajian berkenaan dengan Persekitaran Pembelajaran Kefahaman Bacaan Bahasa Arab Dalam Kalangan Murid j-Qaf. Penyelidik menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan menyediakan borang soal selidik kepada murid-murid bahasa Arab j-Qaf tahun 5 di sekitar 4 buah negeri iaitu di negeri Kedah, Selangor, Melaka dan Terengganu. Hasil kajian mendapati bahawa pemahaman murid dalam membaca bahan bacaan bahasa Arab dan juga persekitaran pembelajaran bahasa Arab di sekolah adalah pada tahap sederhana. Manakala sokongan daripada ibu bapa dan keluarga serta persekitaran komuniti yang sepatutnya mampu memberi kesan yang positif kepada penguasaan kemahiran bertutur adalah pada tahap yang rendah. Terdapat juga perbezaan penguasaan kemahiran bertutur bagi murid yang berada di sekolah bandar dan di luar bandar. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab di sekolah yang berada di kawasan luar bandar adalah lebih tinggi berbanding dengan sekolah yang berada di kawasan bandar. Maka kajian ini mendapati, persekitaran pembelajaran terutamanya melibatkan pemahaman terhadap pembacaan amat memerlukan kepada usaha, sokongan dan dorongan daripada pelbagai pihak terutamanya daripada ibu bapa, keluarga, sekolah dan komuniti.

Tambahan lagi, Adnan Mat Ali, Mohamad Syukri Abd Rahman, Mohd Izzuddin Mohd Pisol dan Ahmad Ismail (2017) telah melaksanakan kajian berkenaan dengan Pelaksanaan Kemahiran Bertutur Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor. Penyelidik menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan menyediakan borang soal selidik secara rawak mudah kepada guru yang mengajar Bahasa Arab sebagai responden. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa amalan kemahiran yang diterapkan oleh guru di dalam kelas dan secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana tinggi. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan guru kurang menekankan kemahiran bertutur dalam proses pengajaran Bahasa Arab. Kajian ini menunjukkan bahawa, proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab amat memerlukan pendekatan komunikatif yang pelbagai kerana bahasa merupakan alat perhubungan komunikasi. Oleh itu, penguasaan kemahiran bertutur Bahasa Arab perlulah ditekankan dari sudut pelaksanaan pendekatan komunikatif yang lebih komprehensif agar dapat melatih minat murid-murid untuk mengamalkan penggunaan bahasa Arab tidak kira di dalam ataupun di luar bilik darjah. Maka, pendekatan komunikatif adalah elemen yang amat penting diantara kemahiran menguasai bahasa asing serta penguasaan kemahiran bertutur Bahasa Arab perlu ditekankan sejak di awal peringkat sekolah rendah terutamanya di negeri Selangor.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Kamarulzaman Abdul Ghani dan Saiful Nizam Sulaiman (2019) pula adalah berkaitan Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Guru J-Qaf Sekolah Kebangsaan. Metodologi kajian ini adalah menggunakan pendekatan kuantitatif dengan mengaplikasikan kaedah menjawab borang soal selidik sebagai proses pengumpulan data dalam kalangan guru-guru j-Qaf. Dapatan kajian yang diperolehi mendapati bahawa pelaksanaan amalan kaedah pengajaran bertutur Bahasa Arab dalam kalangan guru j-Qaf di Melaka secara umumnya pada tahap sederhana tinggi yang mana murid-murid dapat mengaplikasikan kaedah-kaedah pembelajaran dengan baik iaitu menerusi kaedah pengajaran latih tubi, kaedah ajuk hafaz, kaedah bertema atau tematik, kaedah pengajaran terus dan juga kaedah pengajaran elektif sistematik. Ini menunjukkan bahawa guru-guru j-Qaf dapat melaksanakan kaedah-kaedah pengajaran secara seimbang. Ringkasnya, kemahiran bertutur Bahasa Arab mestilah bersasarkan pada kaedah yang tepat dan sistematik supaya murid-murid dapat menguasai teknik pertuturan dengan lebih mudah dan cepat difahami. Sememangnya, kajian berkaitan dengan kemahiran bertutur Bahasa Arab mengikut kaedah pengajaran yang betul perlu dilaksanakan pada kajian-kajian akan datang agar dapat membantu murid-murid dalam menguasai pertuturan Bahasa Arab dengan lebih baik. Oleh itu, kajian berkenaan dengan pengajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab juga perlu dilaksanakan dalam kalangan guru-guru Bahasa Arab terutamanya di peringkat sekolah rendah negeri Selangor.

Selain itu, kajian Mohd Kamarul Azhar Kamaruddin, Siti Zakiah Bardan, Nurul Fazatul Ain Baharuddin, Nor Hasniza Ibrahim dan Nur Husna Abd Wahid (2019) tentang 3D Bahasa Arab *Augmented Reality* (3D Baar) Membantu Meningkatkan Penguasaan Bahasa Arab Pelajar. Penyelidik telah sepakat untuk menggunakan kaedah kuantitatif dengan menyediakan soal selidik bagi melihat kepuasan murid terhadap kaedah pengajaran yang dibangunkan. Hasil kajian telah mendapati keputusan ujian tersebut membuktikan aplikasi AR yang dibangunkan memberi kesan yang positif dalam peningkatan kemahiran membaca dan bertutur Bahasa Arab. Produk pembelajaran 3D BAAR berasaskan teknologi mudah alih AR dengan berpanduan teori pembelajaran konstruktivisme adalah suatu platform pembelajaran yang boleh dipraktikkan kerana mampu menarik minat murid-murid untuk menguasai Bahasa Arab dengan baik. Sememangnya, produk 3D BAAR yang dibangunkan menunjukkan majoriti murid

berpuas hati dengan aplikasi tersebut dan secara tidak langsung mampu mengatasi masalah membaca dan bertutur Bahasa Arab serta dapat mewujudkan persekitaran yang menarik dan menyeronokkan. Justeru itu, pengkaji melihat platform pembelajaran ini perlu diterapkan dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah rendah negeri Selangor lagi agar dapat meningkatkan mutu penguasaan pertuturan Bahasa Arab.

Berdasarkan kajian Hazrati Yahaya, Hanis Najwa Shaharuddin, Fudzla Suraiyya Abdul Raup, Nor Zahidah Ahmad, Muhammad Hatta Shafri, Muhammad Zahfri Mohammad Nazmi dan Ibrahim Youssef Abdelhamid (2021) yang bertajuk Aplikasi Mudah Alih Pembelajaran Asas Bahasa Arab Bagi Peringkat Sekolah Rendah. Penyelidik menggunakan reka bentuk kuantitatif. Hasil kajian mendapati, kandungan beserta keseluruhan aplikasi mudah alih Bahasa Arab Pintar ini mendapat respons yang cukup baik dari sudut mudah untuk digunakan beserta bahasa yang digunakan sangat jelas untuk difahami oleh pengguna. Hal telah terbukti bahawa aplikasi mudah alih Bahasa Arab Pintar ini telah mendapat sokongan yang positif dalam kalangan guru Bahasa Arab. Justeru, terbukti bahawa gabungan elemen multimedia interaktif ini mampu menarik minat murid-murid untuk mendalami ilmu Bahasa Arab dan secara tidak langsung dapat memperbaiki mutu pertuturan murid-murid di dalam Bahasa Arab. Oleh itu, kajian berkenaan dengan Aplikasi Mudah Alih Pembelajaran Asas Bahasa Arab ini perlu untuk dilaksanakan di negeri Selangor seawal di peringkat sekolah rendah.

Menerusi kajian Nurul Afiah Mohd Rizan dan Harun Baharudin (2021) yang mengkaji tentang Tahap Pengetahuan Kosa Kata Dan Pencapaian Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Pelajar Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Selangor bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan kosa kata dengan pencapaian kemahiran bertutur Bahasa Arab pelajar di peringkat SABK negeri Selangor. Kajian ini mensasarkan kepada 214 responden daripada populasi seramai 480 orang pelajar. Kajian ini dilaksanakan melalui reka bentuk tinjauan dengan kaedah kuantitatif. Dapatan kajian yang diperolehi mendapati hubungan antara tahap pengetahuan kosa kata dan pencapaian kemahiran bertutur Bahasa Arab pelajar dalam kajian ini berada pada tahap rendah, namun kebanyakan pelajar mempunyai keyakinan dan semangat yang agak tinggi terhadap kemahiran bertutur. Melalui penerangan tersebut, jelaslah bahawa penilaian ke atas tahap pengetahuan kosa kata perlu diterapkan serta diteruskan secara berkala bagi memastikan pelajar dapat dibiasakan dengan kosa kata Bahasa Arab. Maka, perlu diterapkan amalan kosa kata sejak di peringkat sekolah rendah negeri Selangor sebagai langkah untuk menguasai pertuturan Bahasa Arab dengan lebih baik dan lancar.

Selain itu juga, terdapat kajian daripada Nurul Ain Hasan, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff dan Fariza Khalid (2022) berkenaan dengan Kaedah Pentaksiran Bagi Kemahiran Lisan Dalam Pengajaran Bahasa Arab Sekolah Rendah. Mereka bersepakat menggunakan reka bentuk kualitatif menerusi kaedah temu bual secara bersemuka. Setelah menjalani sesi temu bual bersama dengan guru-guru Bahasa Arab tersebut, dapatan kajian memaparkan bahawa mereka telah melaksanakan pentaksiran kemahiran lisan dalam bilik darjah dengan kepelbagaian teknik beserta kaedah pengajaran yang menarik ketika sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat membantu para guru Bahasa Arab dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah dengan penuh berintegriti dan berkesan terutamanya untuk murid-murid sekolah rendah negeri Selangor yang perlu diberikan penekanan yang lebih terhadap pentaksiran secara lisan untuk mata pelajaran Bahasa Arab.

Bagi peringkat sekolah menengah pula, menerusi kajian daripada Kamarulzaman Abdul Ghani, Ahmed Thalal Hj Hassan, Ahmad Abdul Rahman, Mohd Aderi Che Noh, Muhd Zahiri Awang Mat, Zawawi Ismail, Azmil Hashim, Saifuddin Hussin, Rohaidi Habil dan Siti Apipah Munirah Salleh (2018) yang bertajuk *Persekitaran Bahasa Arab Dalam Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini di SABK*. Penyelidik telah bersepakat untuk menggunakan kaedah kuantitatif menerusi borang soal selidik sebagai instrumen kajian yang melibatkan seramai 466 orang pelajar dan 146 orang guru dari seluruh Malaysia sebagai sampel dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap persepsi guru terhadap prasarana dan komunikasi bahasa Arab di sekolah adalah pada tahap sederhana. Manakala dapatan mengenai persepsi pelajar juga adalah pada tahap yang sederhana. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa hasrat bagi merealisasikan aspirasi pelaksanaan kurikulum ini adalah pada tahap yang kurang memuaskan. Justeru itu pihak berwajib perlu mengambil tindakan yang lebih agresif dan proaktif bagi mengatasi kekurangan dan permasalahan yang berlaku.

Selain itu, menerusi kajian daripada Fatin Hamimah Rosli, Harun Baharudin & Noorazi Rani (2022) yang bertajuk *Persekitaran Bahasa dan Keterlibatan Pelajar SABK Selangor Dalam Pembelajaran Bahasa Arab*, para penyelidik bersepakat menggunakan kaedah kuantitatif menerusi borang soal selidik yang melibatkan seramai 331 daripada 2400 orang pelajar tingkatan 4 di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dipilih sebagai sampel kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan persekitaran bahasa dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana tinggi. Bagi tahap keterlibatan pelajar dalam menggunakan bahasa Arab juga berada pada tahap sederhana tinggi. Daripada hasil dapatan kajian juga dapat membuktikan bahawa pelajar SABK di Selangor mempunyai persekitaran bahasa yang membantu penglibatan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab walaupun didapati kurang mempraktikkan penggunaan bahasa Arab di luar waktu pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini berkepentingan kepada KPM agar dapat merangka dan merancang aktiviti yang mendorong keterlibatan pelajar menggunakan bahasa Arab dalam meningkatkan penguasaan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Seterusnya, terdapat juga kajian daripada Mohd Saiful Fahmi Mohd Nasir, Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad, Mohd Islah Mohd Yusof dan Mohd Sollah Mohamed (2017) iaitu berkenaan dengan *Tahap Kemahiran Bertutur Bagi Subjek Bahasa Arab Komunikasi (BAK) Di Sekolah Agama Daerah Pasir Puteh Kelantan*. Penyelidik telah bersepakat untuk menggunakan kaedah kuantitatif menerusi borang soal selidik sebagai instrumen kajian yang melibatkan 165 orang pelajar. Dapatan kajian menunjukkan tahap kemahiran bertutur Bahasa Arab di kalangan pelajar adalah memuaskan. Kajian menunjukkan pelajar lebih selesa untuk bertutur untuk bertutur Bahasa Arab apabila mereka berada di sekolah bersama guru. Oleh itu, faktor persekitaran juga memainkan peranan yang amat penting bagi menyumbang satu momentum untuk menggalakkan mereka bertutur Bahasa Arab di peringkat sekolah menengah di Kelantan. Maka, faktor persekitaran amat penting bagi memastikan murid-murid dapat menguasai kemahiran bertutur dengan lebih baik terutamanya dalam kalangan murid-murid sekolah rendah negeri Selangor agar persekitaran bertutur di dalam Bahasa Arab ini dapat dipupuk sejak awal lagi.

Bagi peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pula, menerusi kajian daripada Asma Abdul Rahman dan Nursilah Ahmad (2020) yang bertajuk, *Pembinaan Model Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia*, para penyelidik telah bersepakat memilih kaedah instrumen soal selidik, pemerhatian dan temu bual secara

berkumpulan yang melibatkan 300 orang pelajar. Kajian ini juga melibatkan kajian kes di dua buah universiti iaitu Universitas Darussalam, Gontor, Indonesia dan Hankuk University of Foreign Studies, Korea Selatan untuk mengetahui cara menyelesaikan masalah kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar bukan penutur asli. Pemilihan dua buah universiti tersebut adalah berdasarkan kejayaan menghasilkan penutur bukan asli yang boleh bertutur dalam bahasa Arab. Selain itu, data juga dikumpul melalui kajian dokumentasi di ibu pejabat Pusat ISESCO bahasa Arab bertempat di Rabat, Maghribi. Kajian ini juga melibatkan kajian lapangan di tujuh buah universiti awam Malaysia yang menawarkan pengkhususan matapelajaran bahasa Arab. Data Primer dan sekunder dianalisis untuk membina model baru dalam bentuk aplikasi multimedia perisian 3D bagi menyelesaikan masalah bertutur dalam kalangan pelajar pengkhususan bahasa Arab di IPTA Malaysia. Pembinaan model baru di dalam kajian ini juga diharapkan dapat menjadi rujukan dan dasar kepada pembelajaran bahasa Arab dan pembinaan silibus baharu bahasa Arab dalam meningkatkan kemahiran bertutur pelajar di samping menarik minat pelajar untuk mengambil pengkhususan bahasa Arab di IPTA Malaysia.

Berdasarkan daripada kajian yang dijalankan oleh Azman Che Mat, Ahmad Zulfadhli Nokman, Nor Shaifura Musilehat, Ahmad Fakhrulazizi Abu Bakar dan Zalinawati Abdullah (2022) yang bertajuk Amalan Strategi Mendengar Dan Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar, kajian ini berkenaan dengan strategi mendengar dan strategi bertutur merupakan dua elemen yang berkait rapat dan amat penting bagi kemahiran lisan sesuatu bahasa. Akan tetapi sikap pelajar juga dibincangkan melalui elemen kognitif, afektif dan konatif sebagai penyumbang terbesar kepada motivasi, menggunakan masa yang baik serta bersikap aktif dalam menguasai kemahiran bahasa. Penyelidik bersepakat memilih metodologi kajian dengan menjalankan reka bentuk kuantitatif menerusi borang soal selidik dengan disertai oleh 314 peserta daripada kalangan pelajar Bahasa Arab di UiTM Cawangan Terengganu. Dapatan kajian ini mendapati ada dalam kalangan pelajar yang menggunakan strategi mendengar dan bertutur. Meskipun demikian, strategi mendengar adalah lebih rendah berbanding dengan strategi bertutur dan ini seharusnya perlu diberikan perhatian oleh pengajar Bahasa Arab. Hal ini kerana, strategi mendengar sukar diukur dan dilatih semasa dalam sesi pembelajaran berbanding dengan sesi bertutur. Oleh itu, perbincangan yang berterusan di antara pensyarah dan pelajar amat penting bagi mewujudkan sikap positif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Perbincangan di antara pensyarah juga untuk mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran sekaligus memperoleh hasil yang memberangsangkan dalam menguasai kemahiran lisan bahasa Arab. Maka, amat penting penerapan strategi mendengar, bertutur serta penekanan terhadap sikap pelajar yang perlu diberikan perhatian sewajarnya bagi meningkatkan penghasilan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab terutamanya dalam kalangan murid-murid di peringkat sekolah rendah negeri Selangor.

Kajian persekitaran bertutur dan juga kemahiran bertutur bahasa Arab ini berbeza dengan kajian-kajian lepas yang dilakukan malahan bakal melengkapkan kajian-kajian sebelum ini dalam mewujudkan persekitaran dan juga kemahiran bertutur bahasa Arab.

Kekuatan Kajian Lepas

1. Menyediakan pelbagai perspektif dari sekolah rendah hingga IPT.
2. Membuktikan bahawa persekitaran pembelajaran sangat mempengaruhi tahap penguasaan.

3. Membangunkan teknologi inovatif (AR, aplikasi mudah alih) yang berkesan meningkatkan motivasi dan penguasaan bertutur.
4. Mengemukakan strategi pengajaran dan pentaksiran yang boleh dijadikan panduan kepada guru.

Kelemahan Kajian Lepas


1. Kebanyakan kajian masih menilai tahap penguasaan secara umum, kurang memberi fokus khusus kepada kemahiran bertutur.
2. Penekanan guru terhadap kemahiran bertutur masih rendah; lebih banyak fokus pada aspek bacaan dan tatabahasa.
3. Persekitaran bahasa kurang konsisten; murid bertutur hanya ketika waktu formal P&P, tidak diamalkan dalam kehidupan seharian.
4. Penguasaan kosa kata pelajar rendah, meskipun mereka berminat untuk bertutur.
5. Kajian berfokus teknologi masih terbatas kepada ujian keberkesanan awal; belum banyak dilaksanakan dalam skala besar.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan analisis kajian-kajian lepas (*library research*). Proses kajian melibatkan beberapa langkah:

1. Mengenal pasti objektif dan persoalan kajian.
2. Kajian Mengumpul sumber literatur yang relevan termasuk artikel jurnal, buku, tesis dan laporan penyelidikan.
3. Menyaring dan memilih kajian berdasarkan kriteria inklusi dan eksklusi.
4. Menganalisis kandungan kajian lepas dengan mengenal pasti tema, pola dan dapatan utama.
5. Membuat perbandingan dan sintesis dapatan bagi merumuskan kekuatan, kelemahan dan jurang kajian.
6. Menghasilkan cadangan dan implikasi untuk pembangunan model persekitaran bahasa Arab.

Carta Aliran Proses Kajian



Analisis dan Dapatan Kajian

Sorotan literatur menunjukkan bahawa kajian mengenai persekitaran bertutur Bahasa Arab telah dilaksanakan dalam pelbagai peringkat pendidikan iaitu sekolah rendah, sekolah menengah serta institusi pengajian tinggi. Dapatan daripada kajian-kajian tersebut memperlihatkan beberapa tema utama yang dapat dirumuskan seperti berikut:

Tahap Penguasaan Kemahiran Bertutur Bahasa Arab

Kajian-kajian terdahulu mendapati tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran bertutur berada pada tahap sederhana (Wan Sakiah et al., 2014; Adnan Mat Ali et al., 2017; Kamarulzaman & Saiful, 2019). Kajian juga melaporkan wujudnya perbezaan tahap penguasaan antara pelajar bandar dan luar bandar, di mana pelajar di luar bandar menunjukkan pencapaian yang lebih baik (Wan Sakiah et al., 2014). Walaupun demikian, pelajar didapati lebih cenderung menggunakan bahasa Arab dalam suasana sekolah berbanding di luar bilik darjah (Mohd Saiful Fahmi et al., 2017). Hal ini menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran bertutur masih perlu diperkukuh sejak di peringkat awal persekolahan.

Peranan Guru dan Kaedah Pengajaran

Guru dilihat memainkan peranan penting dalam memperkukuh penguasaan bertutur pelajar. Namun, kajian menunjukkan guru masih kurang memberi penekanan khusus terhadap aspek pertuturan (Adnan Mat Ali et al., 2017). Antara kaedah pengajaran yang dikenal pasti ialah latih tubi, ajuk hafaz, pengajaran bertema, pengajaran terus, dan kaedah elektif sistematik (Kamarulzaman & Saiful, 2019). Kajian lain juga menekankan kepentingan pendekatan komunikatif sebagai strategi pengajaran yang berkesan (Adnan Mat Ali et al., 2017). Menurut Yaakob Hasan et al. (2022) menyatakan bahawa para pendidik dalam kalangan guru bahasa Arab perlu menekankan penggunaan bahasa Arab sepenuhnya dan menekankan elemen bertutur sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, pentaksiran kemahiran lisan oleh guru semakin diberi perhatian dengan pelaksanaan pelbagai teknik penilaian yang kreatif (Nurul Ain et al., 2022).

Penggunaan Teknologi dan Inovasi

Kajian lepas turut menekankan potensi teknologi digital dalam membentuk persekitaran bahasa yang interaktif. Sebagai contoh, aplikasi 3D BAAR (Augmented Reality) terbukti meningkatkan minat serta penguasaan membaca dan bertutur murid (Mohd Kamarul Azhar et al., 2019). Begitu juga dengan aplikasi mudah alih Bahasa Arab Pintar yang mendapat sambutan positif daripada guru dan pelajar kerana mesra pengguna serta mampu menarik minat murid (Hazrati Yahaya et al., 2021). Secara keseluruhan, penggunaan teknologi interaktif didapati berupaya mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan sekali gus meningkatkan mutu penguasaan pertuturan pelajar.

Penguasaan Kosa Kata

Penguasaan kosa kata turut menjadi faktor penting dalam mempengaruhi keupayaan bertutur. Kajian mendapati tahap pengetahuan kosa kata pelajar masih rendah, meskipun mereka mempunyai keyakinan yang tinggi untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab (Nurul Afiqah & Harun, 2021). Oleh itu, usaha memperkukuh penguasaan kosa kata secara berterusan adalah amat diperlukan agar pelajar lebih fasih dan lancar ketika bertutur.

Persekitaran Pembelajaran

Faktor persekitaran juga dikenalpasti sebagai penentu utama kejayaan penguasaan bertutur. Kajian mendapati persekitaran sekolah, keluarga dan komuniti memberi pengaruh yang signifikan terhadap pencapaian pelajar (Wan Sakiah et al., 2014). Walaupun begitu, tahap persekitaran bahasa di sekolah menengah dan SABK masih berada pada tahap sederhana, sekali gus belum cukup untuk menggalakkan pelajar bertutur secara konsisten di luar waktu pengajaran dan pembelajaran (Kamarulzaman et al., 2018; Fatin Hamimah et al., 2022).

Model dan Strategi di Institusi Pengajian Tinggi

Dalam konteks institusi pengajian tinggi, beberapa kajian telah mengemukakan model baharu bagi mengatasi masalah bertutur dalam kalangan penutur bukan asli. Antaranya, penggunaan instrumen tinjauan, temu bual, pemerhatian serta perisian multimedia 3D dilihat sebagai langkah inovatif dalam membina model pembelajaran bertutur yang lebih berkesan (Asma Abdul Rahman & Nursilah Ahmad, 2020). Di samping itu, kajian lain menekankan kepentingan strategi mendengar dan bertutur, namun mendapati pelajar lebih cenderung menggunakan strategi bertutur berbanding mendengar. Hal ini menuntut perhatian khusus daripada pengajar agar memberi tumpuan kepada keseimbangan kedua-dua aspek tersebut (Azman Che Mat et al., 2022).

Jurang Kajian

Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor

Kajian khusus mengenai model persekitaran bertutur Bahasa Arab di SRAI masih kurang diterokai, sedangkan sekolah ini mempunyai latar unik.

Integrasi Teknologi dengan Persekitaran Bahasa

Walaupun aplikasi AR dan mudah alih berkesan, belum ada model komprehensif yang menggabungkan teknologi dengan persekitaran pertuturan harian.

Fokus Guru dan Pentaksiran Bertutur

Kajian tentang kaedah dan pentaksiran guru masih terhad; perlu ada model pengajaran bertutur yang lebih sistematik.

Kosa Kata & Keyakinan Pelajar

Kajian mendapati kosa kata pelajar rendah, namun masih belum ada model intervensi yang menyeluruh untuk meningkatkan kosa kata secara berterusan dalam konteks pertuturan.

Penggunaan Bahasa di Luar Bilik Darjah

Kajian menunjukkan pelajar kurang mengaplikasikan bahasa Arab di luar kelas; jurang ini perlu ditangani melalui model persekitaran yang lebih praktikal.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas memperlihatkan pola yang konsisten bahawa penguasaan kemahiran bertutur Bahasa Arab dalam kalangan pelajar masih pada tahap sederhana. Faktor-faktor utama yang mempengaruhi tahap penguasaan tersebut ialah peranan guru dan kaedah pengajaran, penguasaan kosa kata, penggunaan teknologi, serta persekitaran pembelajaran. Walaupun terdapat usaha membangunkan model dan pendekatan baharu di

institusi pengajian tinggi, masih terdapat jurang kajian khususnya pada peringkat sekolah rendah, terutamanya di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor.

Penghargaan

Artikel ini merupakan hasil kajian bertajuk Model Persekitaran Bertutur Bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor. Penghargaan kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor sebagai pemberi dana penyelidikan iaitu kategori Geran Penyelidikan Negeri Selangor (GPNS), SUK/ GPNS/ 2023/ PKS/ 04.

Rujukan

- Ab. Halim Mohammad. (2009). Tahap komunikasi dalam Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1).
- Ahmid, M. H., Abdullah, M. K., & Johari, K. (2018). Pengajaran guru dan kepercayaan motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab di sekolah menengah. *Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(3), 136–147. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v3i3.99>
- Asma Abdul Rahman, & Nursilah Ahmad. (2020). Pembinaan model kemahiran bertutur Bahasa Arab di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) Malaysia. *Jurnal Kesidang*, 5, 77–87.
- Azhar Arsyad. (2004). *Bahasa Arab dan metode pengajarannya*. Pustaka Pelajar.
- Azman Che Mat, Nokman, A. Z., Musilehat, N. S., Abu Bakar, A. F., & Abdullah, Z. (2022). Amalan strategi mendengar dan bertutur Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. *Akademika*, 92(3), 133–148.
- Baiq Tuhfatul Unsi. (2018). Konsep metode pembelajaran Ibn Khaldun dalam pengajaran Bahasa Arab. *Murabbi: Jurnal Ilmu Pendidikan*, 2(1), 1–12.
- Bronfenbrenner, U. (1992). *Ecological systems theory*. Jessica Kingsley Publishers.
- Carrol, M. T. (1989). *Critical thinking: Promoting it in the classroom*. ERIC Clearinghouse.
- Fatin Hamimah Rosli, Baharudin, H., & Noorazi Rani. (2022). Persekitaran bahasa dan keterlibatan pelajar SABK Selangor dalam pembelajaran Bahasa Arab. *Akademika*, 92, 151–162.
- Hazrati Yahaya, Shaharudin, H. N., Abdul Raup, F. S., Ahmad, N. Z., Shafri, M. H., Mohammad Nazmi, M. Z., & Abdelhamid, I. Y. (2021). Aplikasi mudah alih pembelajaran asas Bahasa Arab bagi peringkat sekolah rendah. *ESLA*, 2(2), 29–41.
- Ibtisam Abdullah, & Ahmad, Z. (2012). Pengajaran kemahiran mendengar Bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Dalam *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab (PKEBAR'12)*. Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Ishak Rejab. (1992). Masalah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. Dalam Ismail Ab. Rahman (Pnyt.), *Pendidikan Islam di Malaysia*. Penerbit UKM.
- Jasmi Amin. (2002). Pembelajaran Bahasa Arab komunikasi dari sudut pembacaan dan penulisan: Satu kajian terhadap murid tingkatan tiga Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Johor Bahru. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2002). Kesan tatabahasa Arab terhadap pengeluaran hukum fiqh daripada al-Qur'an al-Karim. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, & Saiful Nizam Sulaiman. (2019). Pengajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab dalam kalangan guru j-QAF sekolah kebangsaan. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 1–14.

- Kamarulzaman Abdul Ghani, Thalal, H. H. A., Ahmad, A. R., Mohd Aderi, C. N., Muhd Zahiri, A. M., Zawawi, I., Azmil, H., Saifuddin, H., Rohaidi, H., & Siti Apipah Munirah, S. (2018). Persekitaran Bahasa Arab dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini di SABK. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, (Special Issue), 644–656.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Wan Ngah, W. S., & Lubis, M. A. (2014). Persekitaran pembelajaran kefahaman bacaan Bahasa Arab dalam kalangan murid j-QAF. *The Journal of Islamic Education*.
- Kaseh Abu Bakar, Sulaiman, N. F., & Rafeai, Z. A. M. (2010). Self-determination theory and motivational orientations of Arabic learners: A principal component analysis. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 10(3), 71–86.
- Khaled Ahmad Bani Omar. (2003). *An-Nur kaedah pengajaran Bahasa Arab*. Universiti Malaya.
- Mastura Arshad, & Kaseh Abu Bakar. (2012). Penggunaan strategi pembelajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab: Kajian di Pusat Asasi UIAM. Dalam *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012* (pp. 139–155).
- Mohammad Fauziddin, & Fikriya, M. (2020). Mengenal kosakata Bahasa Arab melalui permainan kartu huruf Hijaiyah yang dilengkapi kosakata. *Journal for Early Childhood Education Research*, 1(1).
- Mohd Kamarul Azhar Kamaruddin, Bardan, S. Z., Baharuddin, N. F. A., Ibrahim, N. H., & Abd Wahid, N. H. (2019). 3D Bahasa Arab Augmented Reality (3D Baar) membantu meningkatkan penguasaan Bahasa Arab pelajar. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 2(2), 17–31.
- Mohd Saiful Fahmi Mohd Nasir, Mohd Saad, M. L. I. H., Mohd Yusof, M. I., & Mohamed, M. S. (2017). Tahap kemahiran bertutur bagi subjek Bahasa Arab Komunikasi (BAK) di Sekolah Agama Daerah Pasir Puteh Kelantan. *SEMBARA 2017*, 778–797.
- Muhd Zulkifli, N. Z., Wan Mohamad, W. M. R., Surat, S., & Badusah, J. (2019). Aspek budaya Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa asing. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 121–131.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (1999). Bahasa Arab untuk kemahiran komunikasi: Satu kajian tentang perlaksanaannya dan cabaran pengajaran dan pembelajaran di abad ke-21. Dalam *Prosiding Isu-Isu Pendidikan Negara*. Bangi.
- Nurul Afiqah Mohd Rizan, & Baharudin, H. (2021). Tahap pengetahuan kosa kata dan pencapaian kemahiran bertutur Bahasa Arab pelajar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Selangor. Dalam *International Conference on Business Studies and Education (ICBE)* (pp. 42–53).
- Sohair Abdel Moneim Sery. (1990). Satu tinjauan tentang masalah-masalah pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah agama di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Temu bual guru-guru Pondok Modern Darussalam Gontor. 14 Mei 2024.
- Yaakob bin Hasan, Abdul Razif bin Zaini & Nur Faezah binti Hamidin. Cadangan untuk membangunkan kemahiran bertutur pelajar bukan bahasa Arab asli di sekolah dan universiti Malaysia. *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Linguistik Arab Dan Ketamadunan Siri* (3). 214-221. 2022.
- Zaki, M., Ashari, R., & Ridho, A. M. A. (2024). *Analysis of leadership styles on educational management at Pondok Modern Darussalam Gontor*. *Jurnal Madinasika: Manajemen Pendidikan dan Keguruan*, 6(1), 1–11.